



LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
KHAMIS 19 SEPTEMBER 2024

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1.	KPKM PERKENAL STTP, PERLINDUNGAN PATUH SYARIAH UNTUK PETANI, UTUSAN BORNEO -ONLINE	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN (KPKM)
2.	LPNM BUKA RUANG INDUSTRI NANAS NEGARA HASILKAN TEKNOLOGI BAHARU, BEBAS -ONLINE	LEMBAGA PERINDUSTRIAN NANAS MALAYSIA (LPNM)
3.	AGROBANK PERKENAL PROGRAM AQUACULTURE ASPIRE	AGROBANK
4.	AGROBANK, -ONLINE FAMA, AGROBANK TANDATANGAN MOU BERNILAI RM25 JUTA, UTUSAN -ONLINE	

UKK KPKM

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN KPKM, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)


**Kickstart Your Career
in Data Analytics**

BSc in Information
Systems with
Data Analytics
(N/0611/S/0092)

30%
Inaugural
Scholarship*

September
2024 Intak
*T&C apply

AM > BERITA

MAHA 2024: KKDW Sasar Nilai Jualan RM500,000 – Ahmad Zahid

🕒 18/09/2024 07:34 PM



Timbalan Perdana Menteri, merangkap Menteri Kemajuan Desa dan Wilayah (KKDW), Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi, singgah ke reruai pameran di Pavillion KKDW semasa lawatan beliau ke Pameran Pertanian, Hortikultur dan Agro-pelancongan Malaysia (MAHA) 2024 di MAEPS, Serdang hari ini. Turut bersama, Timbalan Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Datuk Arthur Joseph Kurup.

SERDANG, 18 Sept (Bernama) -- Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah (KKDW) menyasarkan nilai jualan sebanyak RM500,000 di Laman Usahawan Desa@MAHA 2024 sepanjang 12 hari penganjuran Pameran Pertanian, Hortikultur dan Agropelancongan Malaysia (MAHA) 2024.

Timbalan Perdana Menteri yang juga Menteri Kemajuan Desa dan Wilayah Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi berkata setakat ini nilai jualan yang direkodkan di laman berkenaan yang menerima kira-kira 100,000 pengunjung adalah sebanyak RM360,000.

"Kita ada 170 usahawan desa di bawah MARA (Majlis Amanah Rakyat) dan beberapa lembaga kemajuan wilayah.

"Ini pertama kali kami (KKDW) ada pavilion (laman) sendiri di MAHA, sebelum ini kami hanya ada gerai sahaja. Terima kasih

Makanan),” katanya kepada pemberita selepas meninjau Laman Usahawan Desa@MAHA 2024 di sini hari ini.

Laman Usahawan Desa@MAHA 2024 dijayakan oleh 170 usahawan desa dari beberapa agensi antaranya MARA, Lembaga Kemajuan Wilayah Pulau Pinang, Lembaga Kemajuan Wilayah Kedah, Jabatan Kemajuan Orang Asli dan Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah.

Pelbagai aktiviti diadakan di laman itu antaranya jualan usahawan, pameran agensi di bawah KKDW, persembahan pelancongan desa dan perkhidmatan spa daripada pelajar Pendidikan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET).




Ahmad Zahid turut berbangga dengan gerak kerja KPKM di bawah pimpinan Datuk Seri Mohamad Sabu kerana pameran yang sedang berlangsung di Taman Ekspo Pertanian Malaysia (MAEPS) itu setakat ini telah merekodkan seramai 2.3 juta pengunjung.

“Tahniah kepada Mohamad kerana MAHA kali ini nampaknya cukup berjaya. Sasaran mereka (KPKM) tiga juta pengunjung tetapi hari ini (hari kelapan) telah merekodkan kira-kira **2.3** juta pengunjung,” katanya.

Bertemakan ‘Menuai Harapan Membina Masa Hadapan’, MAHA 2024 yang memasuki edisi ke-100 itu menyasarkan kira-kira RM6 bilion nilai perjanjian persefahaman serta RM40 juta nilai jualan langsung.

-- BERNAMA



BERNAMA menyediakan informasi dan berita terkini yang sahih dan komprehensif yang disebarikan melalui Wires BERNAMA; www.bernama.com; BERNAMA TV di saluran Astro 502, unifi TV 631 dan MYTV 121 dan Radio BERNAMA di frekuensi FM93.9 (Lembah Klang), FM107.5 (Johor Bahru), FM107.9 (Kota Kinabalu) dan FM100.9 (Kuching).

YOU ARE AT: [Home](#) » [News](#) » [Nation](#) » [KPKM launches two grants to assist young agropreneurs to start, expand agricultural projects](#)

KPKM launches two grants to assist young agropreneurs to start, expand agricultural projects

POSTED ON SEPTEMBER 18, 2024, WEDNESDAY AT 10:41 PM

NATION

For the freshest news, join [The Borneo Post's Telegram Channel](#) and [The Borneo Post on Newsway](#).



Arthur in a statement says the Start-Up Grant is an improvement on the Young Agropreneur Grant offered by the ministry earlier. – Bernama photo

PUTRAJAYA (Sept 18): The Ministry of Agriculture and Food Security (KPKM) today launched Start-Up and Scale-Up Grants to help young people in the agriculture and agro-food sector reduce start-up costs and expand agricultural projects.

Its deputy minister Datuk Arthur Joseph Kurup in a statement said the Start-Up Grant is an improvement on the Young Agropreneur Grant offered by the ministry earlier.

He said through the new grant, the value of aid in kind was increased to RM30,000 compared to RM20,000 previously. Besides, the age limit which used to be from 18 to 40 years is now increased to 43 years.



Meanwhile, the Scale-Up Grant was introduced to support agropreneurs who remain active and viable in the agro-food sector, especially in upstream projects such as crops, livestock and fisheries.

"Through the initiative, KPKM provides extended assistance of up to RM50,000 to young agropreneurs who have received the Young Agropreneur Grant to develop agricultural projects," he said.

Arthur said the Scale-Up Grant is open to applications by agropreneurs aged 21 to 45 to fund the use of agrotechnology such as Controlled Environment Agriculture (CEA), urban agriculture as well as Internet of Things (IoT) technology and artificial intelligence.

He said a total of 9,754 young agropreneurs have been approved for grants with an in-kind value of RM178.5 million so far.

"The incentive assistance provided is one of KPKM's efforts to rejuvenate the agricultural sector and indirectly to continue to ensure that the national security agenda can be achieved," he said.

More information about the two grants as well as the Young Agropreneur Programme can be found on the official website of the ministry at www.kpkkm.gov.my. – Bernama



[◀ PREVIOUS ARTICLE](#)

National Unity Ministry: No new appointments for Jakim cadre officers

[NEXT ARTICLE ▶](#)

Malaysia must use blockchain to enhance halal certification framework, says Ahmad Zahid

[SPONSORED LINKS](#)



Sabah - September 18, 2024
Committee looking for 'missing buyers' of abandon project



Crime, Sarawak - September 18, 2024
Padawan housewife loses RM159,000 ASNB savings to fake investment scheme



Sarawak - September 18, 2024
Dr Annuar: Don't dilly-dally revamping education policy that abolished Primary 6, Form 3 exams



Sarawak - September 18, 2024
Premier: Miri Port to propel northern Sarawak's economic rival Dubai after 2030



Sarawak - September 17, 2024
LATEST: Early morning crash Kuching claims passenger's life



Sarawak - September 17, 2024
Reason behind call for additional Dewan Negara seats for Sarawak, Sabah 'misleading', says senator



Sarawak - September 18, 2024
Motorcycle shop in Sibuan raz by fire, two rescued from upper floor



Sarawak - September 18, 2024
Pansar's Malaysia Day tree-planting event involves stal families from all over Sarawak



Sabah - September 17, 2024
Duty-unpaid beers, cigarettes and tobacco worth over RM861,000 seized across Sabah



Berita → INFOGRAFIK

LPNM buka ruang industri nanas negara hasilkan teknologi baharu

By | Published: September 17, 2024, 3:56 pm

Kongsi



LPNM BUKA RUANG INDUSTRI NANAS NEGARA HASILKAN TEKNOLOGI BAHARU



Sheikh Umar Bagharib Ali
Pengerusi LPNM

“Ini sejajar dengan matlamat negara untuk mempergiatkan pembangunan industri pertanian yang mampan dan berdaya saing. Ruang kerjasama sentiasa terbuka demi kebaikan bersama, dan negara khususnya

Sejak Januari hingga Ogos tahun ini juga, sebanyak enam produk berinovasi berjaya dibangunkan, termasuk dua produk yang dilancarkan itu

Saya yakin usaha berterusan ini akan membawa industri nanas kita ke tahap lebih tinggi dan memberikan impak besar kepada ekonomi negara,

Penghasilan produk inovatif membuka peluang kepada usahawan tempatan bersaing di peringkat antarabangsa, selain mempromosikan penggunaan teknologi mesra alam serta meningkatkan peluang pekerjaan dan memperkasa komuniti luar bandar



Antara Produk Inovasi Yang Dihasilkan Usahawan Tempatan

Pineapple Electrolyte Energy Booster, dihasilkan Syarikat Samz Holding Sdn Bhd, adalah produk makanan tambahan sangat berguna bagi mereka yang aktif dalam sukan dan rekreasi

Pinetox Healthy Powder Plus pula dihasilkan syarikat HA Southern Global Sdn Bhd, menekankan khasiat detox serta penjagaan kesihatan dalaman dan luaran

Lembaga Perindustrian Nanas Malaysia (LPNM) membuka ruang kepada semua segmen pemegang taruh industri nanas menghasilkan dan membawa inovasi serta teknologi baharu dalam membangunkan industri ke peringkat lebih tinggi.



**JOIN THE
MALAYSIA SHOWCASE
PAVILION AT**

MUSIAD 2024
EXP
INTERNATIONAL
MUSIAD TRADE FAIR
26 - 29 NOV 2024
TUYAP ISTANBUL FAIR AND CONGRESS CENTER

**BOOK
YOUR
SPACE
NOW!**

Organised by
**MYEVENTS
INTERNATIONAL**
Media Partners
LEADERS **UD** **N** **HAMBIKAI**



Agrobank perkenal Program Aquaculture Aspire Agrobank

© 2024-09-18T19:41:14+08:00



Tengku Ahmad Badli Shah (tengah) bersama wakil guru dari sekolah-sekolah terpilih bagi Program Agrobank Aquaculture Aspire 2024.

Oleh Nurin Abdullah

KUALA LUMPUR: Agrobank telah mengambil langkah penting dengan memperkenalkan Program Agrobank Aquaculture Aspire, bertujuan untuk menyokong komuniti pelajar neurodiverse, dengan kerjasama Kementerian Pendidikan.

Inisiatif ini memberi tumpuan kepada pelajar dari sepuluh institusi terpilih dalam Program Vokasional Menengah Atas (PMVA) Akuakultur dan Program Pendidikan Khas Integrasi di seluruh negara.

Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif Agrobank Dato' Tengku Ahmad Badli Shah Raja Hussin mengumumkan pengenalan Program Akuakultur yang bertujuan memberi manfaat kepada sekitar 100 pelajar neurodiverse.

Inisiatif ini direka bentuk untuk menyemai dan memupuk penghayatan terhadap amalan dan prinsip akuakultur, disokong dengan peruntukan RM110,000.00 bagi memastikan kejayaan pelaksanaan konsep pendidikan ini.

"Agrobank bekerjasama dengan ARC Berkat Agro Food Sdn Bhd (ARC), pengeluar benih ikan air tawar tempatan, untuk membekalkan benih ikan keli dan tilapia. Sekolah terabit akan menerima set bioflok bagi memudahkan pelaksanaan program ini."

"Syarikat pembekal bersedia untuk menawarkan bimbingan dan latihan komprehensif mengenai penjagaan dan butiran teknikal sistem bioflok, dengan ikan secara amnya matang dalam tempoh dua hingga tiga bulan sebelum ia sedia untuk dijual."

"Inisiatif ini selaras dengan Dasar Sekuriti Makanan Negara 2021-2025, bertujuan untuk melengkapkan generasi muda sebagai peneraju masa depan dalam menangani cabaran industri agro dan berperanan sebagai pemacu utama untuk keselamatan makanan negara," tambahnya.

Penerimaan teknologi bioflok secara signifikan menyumbang kepada peningkatan kelestarian alam sekitar dalam sistem akuakultur.

Kaedah ini kurang menggunakan air dalam amalan akuakultur dan pada masa yang sama meningkatkan metrik kualiti air. Ini membawa kepada persekitaran yang lebih cekap dan selamat untuk pembiakan dan pertumbuhan ikan.

Penekanan program terhadap spesies tilapia dipertimbangkan dengan baik, mengambil kira keupayaannya untuk berkembang maju dalam keadaan iklim tempatan dan permintaan pasaran yang teguh dalam industri akuakultur.

Dengan inisiatif ini, Agrobank menekankan dedikasinya untuk menyediakan peluang yang adil untuk pendidikan khusus kepada pelajar neurodiverse, di samping menonjolkan bakat luar biasa mereka dalam akuakultur.

Kategori Ekonomi (/ekonomi)



(<https://www.facebook.com/sharer/sharer.php?u=https://www.utusanborneo.com.my/2024/09/18/agrobank-perkenal-program-aquaculture-aspire-agro>



([https://twitter.com/intent/tweet?text=\\$twitter_msg&url=https://www.utusanborneo.com.my/2024/09/18/agrobank-perkenal-program-aquaculture-as](https://twitter.com/intent/tweet?text=$twitter_msg&url=https://www.utusanborneo.com.my/2024/09/18/agrobank-perkenal-program-aquaculture-as)

FAMA, Agrobank tandatangan MoU bernilai RM25 juta

MAJLIS MENANDATANGANI MEMORANDUM PERSEFAHAMAN

18 September 2024 | Rabu | 5:00 petang




MAJLI pemeteraian memorandum persefahaman antara Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) dan Agrobank di Serdang, hari ini.

Oleh FATIN NORIZATI MAT ISA 18 September 2024, 7:33 pm

SERDANG: Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) dan Agrobank menandatangani memorandum persefahaman (MoU) melalui Pakej Eksklusif Usahawan Cashless Pasar Tani bernilai RM25 juta.

Ketua Pegawai Operasi Agrobank, Zahid Ahmad Zawawi berkata, inisiatif ini bertujuan memperkasakan usahawan pasar tani dan menaik taraf perniagaan mereka dari aspek kaedah pembayaran tradisional secara tunai kepada tanpa tunai.

dan menggunakan data cookies
anda bagi meningkatkan
pengalaman sepanjang berada di
laman web kami.



Advancing Climate Solutions

ExxonMobil ExxonMobil - Sponsored

[Learn More](#)

"Pelancaran Pakej Eksklusif Usahawan Cashless Pasar Tani ini terbuka kepada semua pelanggan baharu atau sedia ada Agrobank dan telah berdaftar sebagai usahawan pasar tani di bawah FAMA di seluruh Malaysia kecuali Sabah dan Sarawak.

"Inisiatif ini meliputi pelbagai kategori peniaga termasuk penjual ayam, daging, buah-buahan, hasil laut, barang runcit, input pertanian dan lain-lain," katanya kepada pemberita di Dewan C di Taman Ekspo Pertanian Malaysia Serdang (MAEPS) di sini.

Laman web ini akan menyimpan

dan menggunakan data cookies. Tambahnya, pakej ini menyasarkan seramai 500 usahawan pasar tani di Lembah Klang sebagai permulaan dengan perancangan akan diperluaskan ke seluruh Semenanjung. anda bagi meningkatkan peranan sepanjang berada di laman web kami.

Dalam pada itu, Ketua Pengarah FAMA, Abdul Rashid Bahri berkata, menerusi pakej ini juga usahawan akan menerima manfaat seperti kad debit Agrobank, penulisan wasiat dan perlindungan takaful kemalangan diri sehingga RM20,000.

“Selain membuka peluang akses kepada pembiayaan lebih inklusif, penggunaan kod respons pantas (QR) meningkatkan kecekapan transaksi kerana pembayaran dibuat dengan cepat dan mudah.

“Kadar faedah dikenakan adalah serendah 3.5 peratus seterusnya membantu mengurangkan kos operasi usahawan tani.

“Dengan ini, kami berharap lebih ramai usahawan dapat membeli keperluan pertanian dan terus berniaga di pasar-pasar tani untuk keperluan harian masyarakat,” jelasnya.

– UTUSAN

Tidak mahu terlepas? Ikuti kami di



BERITA BERKAITAN



Kempen cari silap orang lain cara lapuk, tak berhemah – Jazlan

Laman web ini akan menyimpan
dan menggunakan data cookies
anda bagi meningkatkan
pengalaman sepanjang berada di
laman web kami.